

TEKS UCAPAN
YG. BHG. BRIG. JEN DATO' PROF. DR. KAMARUDIN
HUSSIN
NAIB CANCELOR UNIMAP
DI MAJLIS PERASMIAN TILAWAH AL-QURAN
PERINGKAT UNIMAP 2011
DEWAN KAPITOL, KANGAR
24 OGOS 2011

Bismillahirrahmanirrahim

Yang Berusaha Pengerusi Majlis

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan
Naib Cancellor (Akedemik & Antarabangsa),

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib
Cancellor (Penyelidikan dan Inovasi), merangkap Penasihat
J/K Induk Program Ihya' Ramadhan 1432H / 2011M

Yang Berusaha Ustaz Haji Hassan Bin Haji Arshad
Pengarah Pusat Islam dan juga Pengerusi J/K Induk
Program Ihya' Ramadhan 1432H / 2011M

Yang Berusaha Prof Madya Dr Mohammud Che Husain dan
Encik Mohd Asri Jusoh, Pengerusi Bersama Jawatankuasa
Penganjur Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat UniMAP 2011

Pegawai Utama UniMAP,

Dekan-Dekan dan Ketua-ketua Jabatan

Dif-dif Jemputan, Peserta-peserta Tilawah seterusnya
Hadirin & Hadirat Sekalian

Assalamualaikum dan salam sejahtera

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu
Wata'ala kerana dengan limpah kurnianya kita dapat
bersama-sama di Majlis Perasmian Tilawah Al-Quran
Peringkat UniMAP **sempena** Ihya' Ramadhan 1432H /
2011M di Dewan Kapitol pada hari ke 24 Ramadhan ini.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan di sini
untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada
Pusat Islam, PPK Bioproses dan PPK Sistem Elektrik selaku
penganjur bersama kerana sudi menjemput saya berucap di

majlis yang mulia ini dan seterusnya menyempurnakan perasmian Tilawah Al-Quran pada pagi ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Umum mengetahui, Ramadhan merupakan bulan teragung dan istimewa bagi umat Islam. Ianya bulan yang penuh dengan keberkatan bagi umah Nabi Muhammad SAW. Di bulan mulia ini jugalah kitab suci Al-Quran telah diperturunkan lebih 1400 tahun yang lalu kepada umat manusia untuk menjadi petunjuk dan panduan kehidupan di dunia.

Justeru, bagi sesiapa yang membaca ayat-ayat dari kitab suci ini di bulan Ramadhan ini akan mendapat ganjaran yang berganda. Dan atas dasar itulah jua, Majlis Tilawah Al-Quran ini dianjurkan untuk mengimarahkan bulan Ramadhan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran. Disamping itu, dibulan mulia ini samalah kita memperbanyakkan amalan serta mengurangkan keburukan.

Menerusi cara ini, adalah diharapkan ia dapat menggalakkan warga UniMAP menghayati pengajaran dari Al-Quran dan melahirkan umat Islam yang mampu membaca Al-Quran dengan bacaan yang betul dan baik.

Bahkan melalui pembacaan Al-Quran juga membolehkan bidang ilmu dikembangkan sekali gus menghayati pengajaran daripada ayat Al-Quran.

Ramadhan al-karim juga merupakan satu bulan pentarbiyah secara halus, bulan mengajar umat **islam** sentiasa patuh kepada Yang Maha Agung, serta mempunyai prinsip dan nilai akhlak yang tinggi. Dan ini nyata bertepatan dengan hasrat UniMAP untuk melahir insan yang bukan sahaja gah dengan ilmu teknologi tetapi juga insan kamil yang arif tentang kandungan kitab suci Al-Quran dan ilmu agama Islam.

Saya juga berharap tilawah ini akan menjurus **kesatu** jalan **dimana** "Teknologis Beriman" yang dihasilkan UniMAP boleh membantu negara untuk jangka panjang. Saya sangat berpuas hati dengan pilihan program majlis tilawah **seperna** Ihya Ramadhan kerana ia merupakan satu langkah yang tepat **kearah** impian UniMAP. InsyaAllah program ini akan meningkatkan ketaatan kita kepada Allah Rabbul Izzati. Semoga diri kita sentiasa mendapat rahmat dan keberkatan dan senantiasa inginkan perubahan dalam diri untuk persediaan di **masa masa** mendatang.

UniMAP juga akan terus mengalakkan program yang mengeratkan dan mengukuhkan ukhwah serta hubungan silaturrahim **dikalangan** staf dan pelajar UniMAP.

Akhir kata, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Pusat Islam yang telah berjaya menganjur 17 program **seperna** dengan Ihya' Ramadhan kali ini. Saya juga menghargai usaha Pusat-pusat Pengajian dalam meningkatkan penyebaran maklumat dan ilmu

terutamanya berkaitan agama islam. Ini untuk menambahkan keimanan dan ketaqwaan kita kepada Allah SWT.

Dengan kata-kata itu dan dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat UniMAP 2011.

Sekian.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.